

Komuniti ekonomi baharu Bumiputera

SEBUAH komuniti ekonomi baharu Bumiputera yang sehingga kini menggabungkan 114,000 buah syarikat di bawah satu bumbung pangkalan data berjaya diwujudkan menerusi program *Bumipreneurs of Tomorrow* (Bahtera).

Bahtera yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak merupakan inisiatif Kementerian Kewangan untuk menyediakan platform kepada para usahawan Bumiputera bagi merangkul peluang berteraskan penguasaan jenama.

Menurut Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah, menerusi Bahtera, penggunaan teknologi moden serta model perniagaan baharu akan menjadi fokus utama dalam melahirkan usahawan Bumiputera kompetitif.

Katanya, Bahtera menjadi bukti bahawa usaha kerajaan untuk membangunkan usahawan Bumiputera tidak pernah terhenti dan menerusi pendekatan tersebut, para usahawan dapat bekerjasama sesama sendiri di bawah satu pangkalan data.

“Bahtera adalah satu program untuk membimbing dan memberi kesedaran kepada usahawan Bumiputera dalam menghadapi alam perniagaan pada masa depan dengan

menggunakan teknologi, model perniagaan baharu serta rangkaian niaga tersusun.

“Kita berharap menjelang hujung tahun depan sehingga 500,000 buah syarikat Bumiputera dapat kita himpunkan, sekali gus menjadikan jenama *Bumipreneurs* cukup kukuh,” katanya sempena majlis pelancaran Bahtera pada 19 Ogos lalu.

Bahtera yang digerakkan menerusi Yayasan Usahawan Baharu di bawah Kementerian Kewangan itu turut menjadikan usaha menarik minat sektor umum dan juga swasta untuk bekerjasama dengan usahawan Bumiputera sebagai salah satu fokus utama.

Serentak dengan pelancaran itu, pameran keusahawanan selama dua hari turut dianjurkan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur merangkumi pelbagai cabang perniagaan antaranya, perniagaan atas talian, industri kreatif dan pemasaran internet.

Dalam pada itu, Mohd. Irwan yakin jika Bahtera berjaya mengumpul lebih 500,000 buah syarikat Bumiputera di bawah satu bumbung pangkalan data, usahawan Bumiputera di bawah jenama *Bumipreneurs* mampu menguasai pasaran dunia.